

25 MAR 2001

Perpaduan-Memorandum

KERAJAAN DISERU TUBUHKAN JAWATANKUASA PERPADUAN

KUALA LUMPUR, 25 Mac (Bernama) -- Pertubuhan Kaunseling dan Perkhidmatan Rakyat (PKPR), sebuah badan bukan kerajaan (ngo) meminta kerajaan menubuhkan Jawatankuasa Perpaduan di peringkat negeri dan daerah sebagai satu cara memupuk perpaduan nasional.

"Jawatankuasa ini haruslah disertai parti-parti politik, badan-badan bukan kerajaan, kesatuan-kesatuan dan sesiapa sahaja yang terlibat dalam menjalin perpaduan antara kaum di negara ini," kata PKPR dalam satu memorandum.

Memorandum yang bertajuk "Postmortem Peristiwa Kampung Medan dan Cadangan-cadangan PKPR Untuk Mengekalkan Kesejahteraan dan Keharmonian di Malaysia" telah diserahkan ke pejabat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Besar Selangor Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, Jumaat lalu.

Salinan memorandum itu juga dihantar kepada pihak media. Memorandum itu berikutan pergaduhan antara dua kumpulan penduduk di beberapa kawasan penempatan di sekitar Jalan Klang Lama pada 8 Mac lepas.

Memorandum yang ditandatangani oleh presiden persatuan itu P. Gunaseelan, seterusnya berkata sudah tiba masanya Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat memainkan peranan yang lebih agresif dan aktif dalam memupuk keharmonian antara pelbagai suku kaum di Malaysia.

"Kementerian berkenaan haruslah mengkaji sama ada program-program yang diusahakan oleh Kementerian berkenaan mencapai matlamat asal," kata memorandum itu.

Memorandum yang mengandungi 15 perkara itu juga meminta kerajaan menubuhkan satu jawatankuasa tetap keagamaan untuk rakyat bukan Islam di peringkat negeri dan daerah.

Jawatankuasa khas ini, kata PKPR, haruslah dipengerusikan oleh seorang exco Kerajaan Negeri dan dianggotai oleh ahli politik, tokoh-tokoh agama dan badan-badan bukan kerajaan.

Peranan utama jawatankuasa ini adalah untuk mengenal pasti isu-isu keagamaan serta mengatasi masalah-masalah secara muzakarah.

"Jawatankuasa ini juga akan memastikan toleransi agama antara pelbagai kaum serta merapatkan silathurahim antara kaum dan mewujudkan satu suasana yang harmonis."

Memorandum itu juga meminta supaya pengagihan rumah kos rendah untuk rakyat dibuat secara telus supaya mereka yang hanya benar-benar memerlukannya mendapat rumah itu.

Kerajaan pusat juga diseru menubuhkan satu badan bebas khas di setiap negeri diketuai oleh Menteri Besar atau Ketua Menteri untuk memastikan penduduk-penduduk setingan di sesuatu kawasan mendapat rumah di projek-projek perumahan.

-- BERNAMA

SR ES PR